

# Buku yang ditolak jadi 'best seller'

Oleh NURUL DAYANA SIMANGOON

dayans@sph.com.sg

PELBAGAI onak dan duri terpaksa diharungi Cik Hidayah Amin ketika menulis buku tentang Gedung Kuning, sebuah rumah di Kampong Gelam tempat beliau dibesarkan.

Malah, Cik Hidayah, pernah ditolak bulat-bulat oleh beberapa badan setempat apabila diminta menyokong usahanya itu dengan alasan ia tiada nilai komersial. Ibunya pula, Hajah Asia Jofrie, meninggal dunia secara mengejut akibat serangan jantung pada hari beliau menyiapkan bukunya itu dua tahun lalu.

Namun, segala pengorbanannya bagi menghasilkan buku *Gedung Kuning: Memories of a Malay Childhood* (Gedung Kuning: Kenangan Kehidupan Seorang Anak Melayu) itu ternyata berbaloi dan badan-badan yang menolaknya terbukti silap.

Enam bulan selepas buku itu dilancar, lebih 1,000 naskhah telah terjual di sini dan di Malaysia – dianggap 'best seller' bagi sebuah buku tentang warisan Singapura. Ia menjadi sanjungan bukan saja ramai orang Melayu yang memintanya diterjemah kepada bahasa Melayu, bahkan pembaca bukan Melayu.

Cik Hidayah membiayai kos percetakan buku itu bersama Persatuan Warisan Singapura, turut menjadi penerbit bersamanya.

Gedung Kuning, sebuah banglo serba kuning di Kampong Gelam, dibeli moyang Cik Hidayah, saudagar kain baldi dan tali pinggang Allahyarham Haji Yusoff 'Tali Pinggang' pada 1912. Keluarga Haji Yusoff mendiami banglo itu, yang menyimpan khazanah dan telah menyaksikan banyak kelahiran, kematian, perkahwinan dan majlis maulud sepanjang empat generasi, hingga 1999.

Di sebalik pelbagai sumbangan keluarga Gedung Kuning terhadap masyarakat, tersimpan pelbagai cerita misteri serta pergolakan keluarga mengenai pembahagian harta yang dikisahkan dalam buku Cik Hidayah.

Gedung Kuning, yang diserahkan kepada pemerintah pada 1999, kini menempatkan restoran Tepak Sireh.

Mengulas kejayaan buku *Gedung Kuning*, Cik Hidayah berkata beliau amat teruja kerana dapat mencapai hasrat arwah ibunya agar beliau berkongsi kisah mereka bersama masyarakat setempat. Malah, mak cik gerai mi rebus yang sering dikunjunginya di Holland Road memberitahunya beliau mengunjungi Gedung Kuning selepas membaca buku itu.

"Ramai pembaca kirim e-mel dan komen di Facebook untuk memberitahu bahawa banyak yang mereka pelajari menerusi buku saya. Mereka berkata ia telah banyak mengingatkan mereka tentang zaman kanak-kanak mereka dan membuat mereka bangga sebagai anak Melayu.

"Malah, ada sesetengah juga bertanya adakah saya akan menulis buku bahagian kedua," ujar Cik Hidayah.

Sebuah laman Facebook yang ditubuh bagi buku *Gedung Kuning* kini dianggotai lebih 250 orang.

Selepas buku itu dilancar, ramai sanak saudara dan jiran tetangga Cik Hidayah yang telah lama menghilang, ada sejauh Amerika, datang bertemu beliau. Namun, ada juga anggota keluarga beliau yang kurang senang mengenai beberapa kisah yang dipaparnya.

"Contohnya, kisah anak saudara moyang saya yang menggelapkan wang dan cuba memberinya racun. Ada menuduh saya cuba memburukkan nama keluarga sendiri. Tapi saya hanya menulis apa yang benar. Saya percaya kita harus mendokumentasikan sejarah keluarga kita sendiri sebelum orang lain menulis sejarah kita," ujar beliau.

Berita Harian  
24 July 2010  
Page 4